



PEKELILING MAJIKAN BIL. 2/2002
PELUPUSAN LEVI BAGI MAJIKAN YANG TIDAK MEMBUAT APA-APA TUNTUTAN
MULAI 1 JANUARI 2002

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan majikan mengenai peraturan pelupusan levi mulai dari tarikh liabiliti, atau dari tarikh akhir menerima bantuan kewangan sekiranya majikan tidak membuat apa-apa tuntutan mulai 1 Januari 2002.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Seksyen 25 Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001 memperuntukkan bahawa majikan akan hilang kelayakan untuk menerima bantuan kewangan dan faedah lain di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) sekiranya tidak membuat apa-apa tuntutan dalam tempoh yang ditetapkan oleh lembaga. Cabutan seksyen ini adalah seperti berikut: -

"If an employer does not make any claims against the fund within such period as may determined by the Board from the date of its registration with the Corporation or any from the date of the last financial assistance or other benefits granted by the Corporation, the employer shall lose his eligibility to receive any financial assistance or other benefits not claimed for the period".

- 2.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang bersidang pada 20 September 2001 yang lalu telah memutuskan tempoh yang dimaksudkan di bawah Seksyen ini ialah dua tahun dan ianya hendaklah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2002.

3. KESAN KEPADA MAJIKAN

- 3.1 Walaupun peruntukan seksyen 25 Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001 menyebut mengenai kehilangan kelayakan untuk menikmati bantuan kewangan atau faedah di bawah KWPSM, tetapi apa yang dimaksudkan di sini ialah **levi yang mana dibayar untuk mana-mana tempoh dua tahun mulai 1 Januari 2002 (moving period) termasuk levi yang dibayar sebelumnya dari tarikh majikan mula liable membayar levi, atau dari tarikh terakhir menerima bayaran daripada PSMB akan diluputkan** sekiranya majikan tidak menuntut apa-apa bantuan kewangan atau faedah lain mulai 1 Januari 2002.

- (a) Tarikh majikan mendaftar dengan PSMB : 1 Januari 1993
(b) Tarikh mula liable membayar levi yang ditetapkan : 1 Januari 1993
(c) Levi yang dibayar dari bulan Januari 1993 hingga Disember 2001 : RM20,000
(d) Levi yang dibayar dari bulan Januari 2002 hingga Disember 2003 : RM15,000

(e) **Tarikh cek terakhir yang dikeluarkan** oleh PSMB untuk membayar tuntutan bayaran balik kos latihan kepada majikan : 29 Mac 1999
(Indikator penentuan)

(f) Tuntutan bayaran balik kos latihan yang dikemukakan dalam tempoh 1 Januari 2002 hingga 31 Disember 2003 : Tiada

Kesan

(g) Levi yang dibayar mulai 30 Mac 1999 hingga bulan Disember 2003 akan diluputkan pada 1 Januari 2004.

Panduan mengelak

Sila jalankan latihan dan kemukakan tuntutan bayaran balik kos latihan dalam tempoh dua tahun selepas 1 Januari 2002.

Contoh 2

(a) Tarikh majikan mendaftar dengan PSMB : 28 Ogos 2000

(b) **Tarikh mula liable membayar levi** yang ditetapkan : 1 Januari 1995
(Indikator penentuan)

(c) Levi tertunggak yang dibayar dari bulan Januari 1995 hingga Disember 2001 : RM18,000

(d) Levi yang dibayar dari bulan Januari 2002 hingga Disember 2003 : RM6,000

(e) Tarikh cek terakhir yang dikeluarkan oleh PSMB untuk membayar tuntutan bayaran balik kos latihan kepada majikan : tiada

(f) Tuntutan bayaran balik kos latihan yang dikemukakan dalam tempoh 1 Januari 2002 hingga 31 Disember 2003 : Tiada

Kesan

(g) Levi berjumlah RM24,000 yang dibayar mulai bulan Januari 1995 hingga Disember 2003 akan diluputkan pada 1 Januari 2004.

Panduan Mengelak

Sila jalankan latihan dan kemukakan tuntutan bayaran balik kos latihan dalam tempoh dua tahun selepas 1 Januari 2002.

Contoh 3

(a) Tarikh majikan mendaftar dengan PSMB : 1 Februari 2002

(b) **Tarikh mula liable membayar levi** yang ditetapkan : 1 Januari 1993
(indikator penentuan)

(c) Levi tertunggak yang dibayar dari bulan Januari 1993 hingga Februari 2002 : Rm75,000

(d) Levi yang dibayar dari bulan Mac 2002 hingga April 2004 : RM5,500

(e) Tarikh cek terakhir yang dikeluarkan oleh PSMB untuk membayar tuntutan bayaran balik kos latihan kepada majikan : Tiada

(f) Tuntutan bayaran balik kos latihan yang dikemukakan dalam tempoh 1 Februari 2002 hingga 31 Januari 2004 : Tiada

Kesan

(g) Levi yang dibayar mulai bulan Januari 1993 hingga Januari 2004 akan diluputkan pada 1 Februari 2004.

Panduan Mengelak

Sila jalankan latihan dan kemukakan tuntutan bayaran balik kos latihan dalam tempoh dua tahun selepas 1 Februari 2002

Contoh 4

(a) Tarikh majikan mendaftar dengan PSMB : 1 Mac 2002

- (b) Tarikh mula liable membayar levi yang ditetapkan : 1 Mac 2002
- (c) Tuntutan bayaran balik kos latihan yang dikemukakan dalam tempoh 1 Mac 2002 hingga 29 Februari 2004 : Tiada (**indikator penentuan**)
Kesan
- (d) Levi yang dibayar mulai bulan Mac 2002 hingga Februari 2004 akan diluputkan pada Mac 2004.
Panduan Mengelak
Sila jalankan latihan dan kemukakan tuntutan bayaran balik kos latihan dalam tempoh dua tahun selepas 1 Mac 2002
Contoh 5
- (a) Tarikh majikan mendaftar dengan PSMB : 1 Januari 2002
- (b) Tarikh mula liable membayar levi yang ditetapkan : 1 Januari 2002
- (c) Levi yang dibayar dari bulan Januari 2002 hingga Disember 2006 : RM230,000
- (d) **Tarikh cek terakhir yang dikeluarkan** oleh PSMB untuk membayar tuntutan bayaran balik kos latihan kepada majikan : 26 Oktober 2003 (**indikator penentuan**)
- (e) Tuntutan bayaran balik kos latihan yang dikemukakan dalam tempoh 27 Oktober 2003 hingga 26 Oktober 2005 : Tiada
Kesan
- (f) Levi yang dibayar mulai bulan 27 Oktober 2003 hingga September 2005 akan diluputkan pada 1 Oktober 2005
Panduan mengelak
Sila jalankan latihan dan kemukakan tuntutan bayaran balik kos latihan dalam tempoh dua tahun selepas 26 Ontober 2003.

3.2 Majikan adalah diminta mengambil maklum bahawa walaupun peraturan yang menetapkan tarikh akhir bagi mengemukakan tuntutan untuk program latihan yang tamat dijalankan dalam satu-satu tahun ialah 30 Jun tahun berikutnya masih lagi terpakai tetapi dengan peraturan pelupusan ini, majikan adalah diminta untuk mengemukakan tuntutan sebaik sahaja kursus tamat. Ini bagi mengelakkan baki levi yang tidak dituntut dalam tempoh dua tahun diluputkan walaupun majikan mempunyai masa sehingga 30 Jun (sama ada dalam tahun semasa atau tahun berikutnya) untuk mengemukakan tuntutan berkenaan.

4. **PENUTUP**

4.1 Tujuan pihak kerajaan mengadakan peruntukan meluputkan levi yang dibayar dalam tempoh dua tahun termasuk levi yang dibayar sebelumnya dari tarikh majikan mula liable membayar levi atau dari tarikh terakhir menerima bantuan kewangan sekiranya tidak menuntut apa-apa bayaran balik kos latihan mulai 1 Januari 2002 ialah untuk menggalakkan majikan menjalankan aktiviti latihan secara berterusan dan menjadikan latihan itu sebagai satu budaya kerja. Ianya juga bertujuan untuk menggalakkan penggunaan levi sepenuhnya.

4.2 Untuk keterangan lanjut, pegawai PSMB yang boleh dihubungi adalah :

- (i) Wan Hadlan Nor bin Wan Harun
(nombor telefon : 03 - 2098 4842)

- (ii) Syed Shahrul Hafeez bin Syed Halim
(nombor telefon : 03 - 2098 4835)
- (iii) Siti Haida binti Mohd Aini
(nombor telefon : 03 - 2098 4854)
- (iv) Suzeiliana binti Mohd Arshad
(nombor telefon : 03 - 2098 4835); dan
- (v) Fauziah binti Masrom
(nombor telefon : 03 - 2098 4838)

5 TARIKH KUAT KUASA

5.1 Pekeliling Majikan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2002
Sekian, terima kasih

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN"

"K-PEKERJA PENERAJU MENGHADAPI CABARAN GLOBALISASI"

Yang ikhlas,

(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)
Pengarah Kewangan
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

